

Tanaman padi tidak menjadi

Petani tidak puas hati JPS tidak maklum penutupan pintu air sungai

ASYRAF MUHAMMAD

SUNGAI NIBONG

Penutupan pintu air sungai berhampiran sejak minggu lalu didakwa menjadi punca tanaman padi di Parit 12, di sini tidak menjadi.

Masalah kekurangan air yang melanda dan faktor cuaca sehingga menjejaskan tanaman petani itu menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan mereka.

Seorang petani, Jaafar Jayus, 65, berkata, air di dalam palong yang berada di kawasan berhampiran tanaman padi mereka difahamkan semakin kering disebabkan penutupan pintu air tersebut.

"Kebanyakan petani tidak berpuas hati kerana Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) tidak memaklumkan terlebih dahulu berhubung pen-



Jaafar menunjukkan tanaman yang kering disebabkan masalah air.

nutupan itu," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui, semalam.

Jaafar berkata, sekiranya

dimaklumkan terlebih dahulu berhubung tindakan tersebut, petani dapat membuat persediaan awal.

"Jika mereka menerangkan situasi sebenar, kami petani dapat membuat persediaan dengan menakung

air bagi menghadapi perkara ini," katanya.

Menurutnya, petani di kawasan tersebut terpaksa mengepam air dari parit berhampiran bagi menyuburkan tanaman padi mereka.

Katanya, bagaimana pun air dalam parit berkenaan semakin kering selepas kebanyakan petani menggunakannya bagi menyuburkan tanaman.

Sementara itu, Omarudin Sayuti, 49, berkata, petani juga berdepan kesukaran lain antaranya perlu menyewa pam bagi menyalurkan air ke blok tanaman masing-masing.

Katanya, kos menyewa pam juga agak tinggi iaitu RM200 bagi setiap tiga ekar tanaman.

"Air yang dipam hanya tahan selama tiga hari dan selepas itu, penduduk perlu

membayar lagi kos sewa pam jika ingin menyalurkan air," katanya.

Dia berkata, bagi petani yang kurang berkemampuan, mereka tidak dapat membayar kos sewaan berkenaan dan kesannya, tanaman mereka kering.

Omarudin berkata, Exco Pengerusi Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan Kerajaan Selangor, Yaakob Sapari diminta turun padang bagi melihat sendiri keadaan petani di situ.

"Beliau (Yaakob) perlu melihat sendiri situasi kami di sini sejak minggu lalu," katanya.

Menurutnya, pihak bertanggungjawab perlu mengambil tindakan segera bagi mengelak kesan lebih buruk sekiranya masalah itu tidak diatasi.